

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 7****KLASIFIKASI PEMOHON PENERBIT TERSENARAI**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 1 Jun 2001	Perenggan 8.11
Tarikh semakan: 3 Ogos 2009, 3 Jun 2019	

1.0 Pengenalan

- 1.1 Bursa mengklasifikasikan semua pemohon yang memohon penerimaan masuk di Senarai Rasmi Bursa dan penerbit tersenarai mengikut kumpulan homogen ("**Sektor**") industri yang serupa berdasarkan perniagaan teras pemohon atau penerbit tersenarai.
- 1.2 Menurut Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Kehendak-Kehendak Penyenaraian**"), pemohon dikehendaki mencadangkan pengklasifikasiannya mengikut mana-mana satu Sektor ("**Pengklasifikasian**") dan penerbit tersenarai juga dikehendaki membuat cadangan kepada Bursa apabila Pengklasifikasiannya perlu diubah.
- 1.3 Pengklasifikasian yang dicadangkan oleh pemohon atau penerbit tersenarai adalah tertakluk kepada kelulusan Bursa. Bursa berhak untuk mengklasifikasikan pemohon atau penerbit tersenarai mengikut sektor yang pada pendapat Bursa lebih sesuai bagi pemohon atau penerbit tersenarai itu.
- 1.4 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai yang berikut:
 - (a) Sektor yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (b) kriteria dalam menentukan dan mencadangkan Pengklasifikasian; dan
 - (c) cara pemohon atau penerbit tersenarai akan memaklumkan atau memberitahu Bursa tentang cadangan Pengklasifikasiannya atau cadangan bagi perubahan Pengklasifikasian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Nota Amalan 7
Klasifikasi Pemohon Penerbit Tersenarai**2.0 Takrif**

- 2.1 Bagi maksud Nota Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "**perniagaan teras**" ertinya perniagaan yang menyediakan sumber utama hasil operasi atau keuntungan selepas cukai kepada pemohon atau penerbit tersenarai dan yang terdiri daripada aktiviti utama pemohon atau penerbit tersenarai, dan subsidiarinya.

3.0 Sektor yang ditetapkan oleh Bursa

- 3.1 Bursa akan menetapkan Sektor bagi semua penerbit tersenarai dari semasa ke semasa. Senarai Sektor boleh diperoleh daripada laman sesawang rasmi Bursa.
- 3.2 Bursa berhak mengubah senarai Sektor atau kriteria apabila menentukan Pengklasifikasian penerbit tersenarai dan dalam keadaan itu, penerbit tersenarai akan diberitahu Pengklasifikasian baharunya dengan sewajarnya.

4.0 Pengklasifikasian penerbit tersenarai

- 4.1 Pemohon atau penerbit tersenarai mesti, apabila memfailkan permohonan untuk penyenaian kepada Bursa, mengemukakan kepada Bursa cadangan Pengklasifikasiannya dengan melengkapkan dan mengemukakan kepada Bursa Borang Pengklasifikasian/ Pengklasifikasian Semula (yang tersedia di laman sesawang rasmi Bursa), berserta dengan dokumen sokongan.
- 4.2 Dalam menentukan Pengklasifikasian pemohon atau penerbit tersenarai mengikut mana-mana satu Sektor, pemohon atau penerbit tersenarai mesti memeriksa amaun sumbangan yang dibuat daripada pelbagai aktiviti perniagaannya bagi tempoh 2 tahun yang lepas. Penerbit tersenarai akan diklasifikasikan mengikut Sektor yang paling padan dengan sumber hasilnya atau sekiranya terdapat beberapa sumber hasil, perniagaan yang dengan konsisten menjana hasil penerbit tersenarai paling tinggi. Pengklasifikasian itu juga akan ditentukan berdasarkan sama ada penggunaan akhir langsung produk atau proses industri yang digunakan.
- 4.3 Pelaporan berpetak lazimnya menzahirkan hasil sebelum cukai, kepentingan tidak mengawal, butiran luar biasa dan faedah yang diperoleh atau ditanggung. Melainkan jika terdapat keterangan teraudit bahawa mana-mana butiran ini boleh dikaitkan secara khusus dengan kelas perniagaan yang hasil itu dizahirkan, ia tidak akan dikira dalam mentaksir sumber hasil. Jika mana-mana bahagian perniagaan penerbit tersenarai adalah untuk memperoleh faedah atau menanggung faedah, atau perbelanjaan faedah adalah penting kepada perniagaannya, maka faedah itu mesti diambil kira dalam menentukan perniagaan penerbit tersenarai itu.
- 4.4 Bursa akan cuba mengekalkan kestabilan dalam Pengklasifikasian dan tidak akan mengambil kira apa yang Bursa anggap sebagai turun naik sementara dalam peruntungan satu-satu perniagaan.

5.0 Kuasa Bursa untuk menghendaki maklumat tambahan atau mengarahkan perubahan Pengklasifikasian

- 5.1 Bursa boleh, mengikut budi bicaranya, menghendaki pemohon atau penerbit tersenarai untuk mengemukakan maklumat tambahan kepada Bursa.

**Nota Amalan 7
Klasifikasi Pemohon Penerbit Tersenarai**

- 5.2 Bursa boleh, jika hal keadaan mewajarkan sedemikian tetapi tanpa memberikan apa-apa sebab, mengklasifikasikan pemohon atau mengubah Pengklasifikasian penerbit tersenarai mengikut Sektor yang, pada pendapat Bursa, lebih sesuai bagi pemohon atau penerbit tersenarai itu.

6.0 Perubahan pada pengklasifikasian penerbit tersenarai

- 6.1 Jika terdapat perubahan signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar penerbit tersenarai, penerbit tersenarai mesti, apabila aktiviti korporat yang berkenaan telah selesai, dengan serta-merta memberitahu Bursa tentang cadangan perubahan pada Pengklasifikasian dengan melengkapkan dan mengemukakan kepada Bursa Borang Pengklasifikasian/ Pengklasifikasian Semula (yang tersedia dalam laman sesawang rasmi Bursa), berserta dengan dokumen sokongan.
- 6.2 Jika Pengklasifikasian tidak menggambarkan dengan tepat perniagaan teras semasanya, penerbit tersenarai mesti mengemukakan kepada Bursa cadangan bagi perubahan dengan melengkapkan dan mengemukakan kepada Bursa Borang Pengklasifikasian/ Pengklasifikasian Semula (yang tersedia dalam laman sesawang rasmi Bursa), berserta dengan dokumen sokongan.
- 6.3 Pengklasifikasian penerbit tersenarai juga boleh dikaji semula oleh Bursa sama ada mengikut budi bicaranya, atas permintaan penerbit tersenarai sebagaimana dalam perenggan 6.1 dan 6.2 di atas, atau atas permintaan penasihat yang bertindak bagi pihaknya.